

Penerima BR1M bertambah

■ PULAU PINANG 10 APRIL

PENERIMA Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di Balik Pulau bertambah sebanyak 94,000 orang, menjadikan keseluruhannya seramai 314,000 orang tahun ini.

Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, bagaimanapun, penduduk di kawasan itu hanya berjumlah 220,000 orang sekali gus menunjukkan terdapat penambahan penerima dipercayai dari luar kawasan.

Jelasnya, situasi yang menunjukkan orang dari luar mendaftar permohonan BR1M di Balik Pulau turut berlaku pada tahun-tahun sebelumnya.

Bagaimanapun katanya, orang ramai yang mendaftar BR1M di luar kawasan penempatan tidak melanggar mana-mana syarat, malah individu berkenaan tidak berpeluang menerima bantuan sama di kawasan lain.

“Jika sudah ambil BR1M di Balik Pulau, mereka tidak layak menerima bantuan di kawasannya dan di tempat lain.

“Tidak timbul sebarang masalah sebab tahun lepas pun ramai ambil BR1M di Balik Pulau,” katanya se-



HILMI YAHAYA (kiri) bertanya sesuatu kepada salah seorang penerima BR1M Parlimen Balik Pulau di Dewan Yayasan Lestari Pusat Khidmat ADUN Pulau Betong, Pulau Pinang, baru-baru ini.

lepas melawat program semakan status BR1M di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri Pulau Betong, dekat sini baru-baru ini.

Hilmi berkata, penganjuran program itu membolehkan orang

awam menyemak kelayakan menerima BR1M dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selain mendapatkan pengesahan pendapatan daripada wakil rakyat.

“Mereka sukar mendapatkan pengesahan pendapatan kerana bekerja sendiri dan tidak mempunyai penyata gaji yang menyukarkan proses permohonan bantuan berkenaan,” jelasnya.